



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUEKOPERTANIAN (B.2 EB.3)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUEKOPERTANIAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.2 EB.3 [\$2,270 - \$4,240 SEBULAN]
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Agronomi / Bioteknologi / Genetik Tumbuhan / Sains Biologi / Sains Tumbuhan / Teknologi Tanaman atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan penganalisaan data dan statistik adalah kelebihan.
3. Mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam penggunaan komputer adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan kaji selidik menjurus ke arah ciri-ciri agronomik terutamanya dalam pemilihan varieti yang sesuai dengan keadaan iklim di Negara Brunei Darussalam;
2. Merancang dan memastikan pengeluaran biji benih padi dalam negara sejajar dengan dasar / perancangan Jabatan;
3. Menyediakan program pelaksanaan projek dan seterusnya membuat laporan teknikal daripada hasil kaji selidik dan sebagainya;
4. Menyediakan dan memantau program perlaksanaan projek-projek mengenai dengan peningkatan pengeluaran hasil padi;
5. Membuat lawatan dan kursus mengenai hal ehwal pembangunan tanaman padi dan lain-lain; dan
6. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.